UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
UiTM NEWS HUB
UiTM NEWS HUB
Hab Berita Rasmi UiTM

SINERGI

18/08/2026 / MUHAMMAD ARIF HUSAINI ABDUL RAHIM



SUNGAI BULOH, 13 Ogos 2026 – Seramai 41 orang mahasiswa Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (Kepujian) dari Institute of Continuing Education and Professional Studies (iCEPS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam telah berjaya menganjurkan Program *UiTM CARE: Dari Mahasiswa Untuk Semua* bertempat di Surau Al-Ma'muriah, Taman Seri Pristana. Program kemasyarakatan berimpak tinggi ini dianjurkan sebagai platform pembelajaran berasaskan pengalaman di bawah bimbingan pensyarah modul, Puan Nor Afni Md. Sari. Penganjuran inisiatif ini berjaya menggembleng kerjasama pelbagai agensi kerajaan, organisasi kesihatan, sektor swasta, dan penduduk setempat demi memperkasakan komuniti menerusi gabungan elemen pendidikan, kesihatan, keselamatan, serta pemindahan teknologi moden.

Sepanjang pelaksanaan program sehari tersebut, pelbagai aktiviti kemasyarakatan telah dijalankan, merangkumi gotong-royong menceriakan kawasan surau bersama pempengaruh media sosial, Rusydi Rosli, yang turut menyampaikan sumbangan telekung, sejadah, 30 naskhah al-Quran, serta bahan pencuci daripada Kumpulan Karangkraf. Mahasiswa turut memperluas sumbangan tenaga

dengan mengecat, menghasilkan mural di kawasan wuduk wanita dan bilik pengurusan jenazah, mewujudkan sudut bacaan kondusif, serta mengendalikan Kelas Kecerdasan Buatan (AI) secara praktikal. Bagi aspek kesihatan dan keselamatan, saringan kesihatan percuma telah disediakan oleh Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM Puncak Alam dan Unit Kesihatan UiTM, disusuli Kempen Pengurusan Berat Badan oleh KOSPEN, demonstrasi kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Bestari Jaya, serta ceramah pencegahan dadah oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Kuala Selangor.



Menurut Ketua Pusat Pengajian BA232 iCEPS, Dr. Ramita Abdul Rahim, penganjuran program ini menterjemahkan komitmen berterusan iCEPS dalam melahirkan graduan holistik yang bukan sahaja cemerlang akademik, malah memiliki jiwa kepimpinan, kemahiran pengurusan projek, dan keprihatinan sosial yang tinggi. Sambutan masyarakat setempat amat menggalakkan apabila pertandingan mewarna berjaya menarik penyertaan hampir 80 orang kanak-kanak bersama penampilan khas Maskot Little Ammar dan tayangan interaktif Durioo+, manakala seramai 161 orang penduduk menyertai pelbagai pengisian lain termasuk ruang jualan usahawan tempatan. Secara keseluruhannya, Program UiTM CARE ini berjaya mencapai objektifnya dalam mengukuhkan jalinan mesra antara universiti dan masyarakat di samping memberi manfaat berpanjangan kepada warga Taman Seri Pristana.

Share Post Share

Tags: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA), Institute of Continuing Education and Professional Studies (iCEPS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM)

‹ UiTM Perak dan NSA Malaysia Perkasa Guru Menerusi Program Transformasi Digital

UiTM Perak-SESTA Jalin Kerjasama Perkasa Pendidikan STEM ›

QUICK LINKS

- Ministry of Higher Education
- Academic Calendar
- Intake Calendar
- Graduate Quick Search
- Library
- UiTM Holdings
- WiFi UiTM
- E-Complaint

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

Towards Becoming A GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress